



#### UPM Penganjur Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 2009



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Dato' Rozali Ismail semasa majlis pelancaran tersebut.*

**KUALA LUMPUR, 5 Feb** – Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih menjadi penganjur Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) edisi ke-14 yang akan diadakan pada 22 – 26 Jun 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Majlis pelancaran di KLCC baru-baru ini bertujuan untuk memberi publisiti ICOT dan mencari kerjasama dengan organisasi yang boleh membantu menjadi penaja bersama persidangan itu.

Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Sdn. Bhd Tan Sri Dato' Rozali Ismail dalam ucapannya perasmianya berkata dengan menjadi hos acara berprestij itu, ia memberi makna dan impak besar kepada universiti dan negara, sekaligus membuktikan kemampuan institusi pengajian tinggi tempatan menganjurkan acara besar.

Persidangan yang bertema "Aptly themed, 'Thinking Minds: Nurturing the Design of a Better Future' akan menjadi platform ideal bagi peserta untuk mempelajari cara berfikir yang efektif.

Katanya ICOT 2009 menghimpunkan lebih 1,300 penyertaan dari seluruh dunia melibatkan 200 pembentangan kertas kerja oleh speaker utama dari pelbagai bidang terkemuka.

"Kehadiran tokoh dan nama besar ini dijangka akan menarik minat golongan profesional, korporat, pendidik serta penyelidik untuk mengentengahkan isu serta idea baru dalam pemikiran inovatif dan kreatif merentasi pelbagai disiplin.

"Persidangan ini juga mampu melahirkan individu yang efektif dan berupaya menilai gaya pemikiran berbeza," katanya.

ICOT 2009 diketuai oleh dua penasihat jawatankuasa penganjur iaitu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Dekan Sekolah Pengurusan Siswazah UPM, Prof. Dr. Samsinar Md. Sidin. Persidangan tersebut adalah hasil kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Antarabangsa yang diketuai Prof. Dr. David Perkins dari Universiti Harvard.

Dr. Nik Mustapha pula berkata empat penceramah utama ialah Dr. Edward De Bono, pakar dalam bidang pemikiran kreatif, inovasi dan pengajaran langsung kemahiran berfikir serta Tony Buzan, pakar, penulis, penasihat dan penyarah terkemuka dalam bidang berkaitan otak, pembelajaran dan kemahiran berfikir.

"Penceramah utama lain ialah Prof. Howard Gardner, Profesor Pengenalan Pendidikan John H. dan Elisabeth A. Hobbs dari Sekolah Siswazah Pendidikan Harvard, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Robert Fisher, David Perkins, Arthur Costa dan Glenn Capelli," katanya.

ICOT 2009 merupakan persidangan dwi tahunan yang dianjurkan oleh sukarelawan yang dipilih untuk merealisasikan cara-cara berkesan berfikir dalam pembelajaran dan pengajaran hasil idea Dr. Edward De Bono dan Prof. Robert Rosenthal dari Universiti Harvard.

Persidangan tersebut yang telah berusia 22 tahun telah diadakan di Fiji pada tahun 1982, diikuti Puerto Rico 1989, Singapura 1997, Kanada 1999, New Zealand 2001, UK 2002, USA 1984, 1987, 1994 dan 2003 dan Sweden 2007.

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikan Malaysia sebagai negara Asia ke dua selepas Singapura sebagai tuan rumah persidangan berprestij itu.

Maklumat lanjut ICOT boleh diperolehi melalui [www.14ththinkingconference.com](http://www.14ththinkingconference.com)



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Tan Sri Dato' Rozali Ismail sebelum majlis pelancaran majlis tersebut.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**